

## **BAB KEENAM**

### **PENUTUP**

#### **6.1 PENGENALAN**

Bab ini menyimpulkan semua permasalahan kajian iaitu menjelaskan perbandingan antara pendidikan yang dijalankan oleh intitusi formal dan pendidikan yang dianjurkan oleh masyarakat (tidak formal), memberikan cara penyelesaian masalah yang ada dalam pelaksanaan pendidikan formal dan tidak formal serta menjelaskan pendidikan yang lebih menguasai masyarakat. Bab ini juga mencadangkan beberapa saranan bagi menyempurnakan kajian yang telah dilakukan.

#### **6.2 KESIMPULAN**

##### **6.2.1 Pendidikan yang dijalankan oleh Institusi Formal**

- i. Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian Pulau Tengah

Berdasarkan temu bual dengan Pelajar Kelas IX A MTsN, pelajar MTsN di Desa Koto Dian lebih berminat mempelajari matapelajaran Mulok Iqra' dan Sejarah Kebudayaan Islam kerana matapelajaran tersebut mudah difahami. Di samping itu, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh guru MTsN di Desa Koto Dian semasa pembelajaran. Pada umumnya, mereka menggunakan kaedah syarahan, kaedah hafalan dan kaedah latihan setelah matapelajaran dicatat. Kaedah demonstrasi dan kaedah soal jawab hanya digunakan oleh sebahagian guru dalam pembelajaran iaitu Mulok Iqra', Feqah dan Bahasa arab. Berdasarkan wawancara dan pemerhatian, guru tidak menggunakan media

pembelajaran atau alat bantu mengajar di dalam proses pengajaran kecuali pada matapelajaran feqah ketika melakukan demonstrasi belajar solat.

Masalah yang dihadapi semasa pembelajaran pendidikan Islam MTsN di Desa Koto Dian ialah kekurangan buku rujukan sehingga tidak dapat mencapai objektif dalam pelaksanaan pendidikan itu sendiri dan ketiadaan media pendidikan yang boleh membantu pembelajaran dan menarik minat pelajar terhadap matapelajaran.

Selain itu, masalah yang timbul ialah pelajar peringkat menengah belum lancar membaca al-Quran dan belum mahir menulis tulisan Arab. Sepatutnya pelajar diperingkat ini pelajar sudah mahir membaca al-Quran kerana ini merupakan asas utama untuk belajar matapelajaran yang berasaskan pendidikan Islam seperti matapelajaran bahasa Arab, al-Quran dan hadith serta mata pelajaran lain yang memerlukan pelajar menghafal ayat-ayat suci al-Quran dan bacaan ayat suci untuk melaksanakan solat.

Pencapaian pembelajaran pendidikan Islam di MTsN Desa Koto Dian mengikuti standard yang ada dalam rancangan kurikulum yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan mengikut matapelajaran masing-masing. Namun demikian, dapat dibuat kesimpulan bahawa pencapaian pelaksanaan Pendidikan Islam secara keseluruhan adalah pelajar mengetahui dan memahami tentang hukum Islam yang sebenar. Selain itu, pelajar boleh meningkatkan, mengamalkan dan beribadah dengan ilmu yang telah dipelajari sesuai dengan tuntutan syarak. Matlamat utama agar pelajar dapat menghadapi setiap peperiksaan dan pelajar juga mempunyai kemahiran di dalam bacaan dan tulisan Arab serta berakhlak baik dan berharap agar ada pelajar yang berjaya menjadi generasi penerus dalam bidang pengajian Islam.

ii. Madrasah Ibtidaiyah No:10/ E-3 ( MI No:10/ E-3) Koto Dian Pulau Tengah

Minat terhadap Pendidikan Islam oleh pelajar MI No:10/ E-3 di Desa Koto Dian ditunjukkan melalui minat pelajar yang bersungguh dan cukup memuaskan sebagaimana terlihat keadaan pelajar yang serius dan berdisiplin ketika pembelajaran. Pelajar tidak nampak seperti orang yang lalai atau kurang menumpukan perhatian pada pembelajaran Islam.

Kaedah yang digunakan semasa pembelajaran Pendidikan Islam MI No:10/ E-3 di Desa Koto Dian secara purata masih menggunakan kaedah yang lama iaitu kaedah syarahan dan penceritaan. Sebelum guru menjelaskan, pelajar mencatit terlebih dahulu kemudian diberi tugas rumah. Kaedah bercerita digunakan bagi matapelajaran Sejarah Pendidikan Islam. Kaedah demonstrasi dan kaedah menghafal digunakan oleh guru matapelajaran bahasa Arab dan matapelajaran al-Quran dan Hadith.

Masalah yang dihadapi semasa pembelajaran Pendidikan Islam MI No:10/ E-3 di Desa Koto Dian ialah terdapat pelajar yang belum fasih membaca al-Quran dan tidak mahir menulis ejaan Arab, pelajar yang suka membuat bising dan malu bersuara untuk mengajukan soalan. Segelintir pelajar masih malu bergaul dengan rakan-rakan. Selain itu, masalah yang timbul adalah ketiadaan media pendidikan dan kekurangan buku rujukan bagi membantu menarik minat pelajar.

Standard pencapaian matapelajaran pendidikan Islam di MI No:10E-3 telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu pencapaian dalam kurikulum untuk menghadapi peperiksaan. Namun, secara keseluruhan pencapaian yang lain turut diambil kira iaitu mendidik pelajar agar boleh mengeja dan menulis tulisan Arab, menghafal surah

pendek, memahami serta mengamalkan kandungan dalam surah pendek, memahami tentang asas hukum Islam iaitu rukun Iman dan rukun Islam, memahami dan mengamalkan nilai murni dalam Islam, menambah ketakwaan kepada Allah s.w.t, memahami tentang cara kebersihan serta memahami cara beribadah dan memahami tentang penggunaan kaedah Bahasa Arab.

iii. Sekolah Dasar Negeri 80/III (SDN 80/III) Koto Dian Pulau Tengah.

Minat pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam SDN 80/III di Desa Koto Dian khususnya terhadap matapelajaran agama cukup memuaskan sebagaimana hasil temubual dengan guru matapelajaran tersebut.

Kaedah pembelajaran yang digunakan semasa pembelajaran Pendidikan Islam di SDN 80/III di Desa Koto Dian adalah pelbagai seperti kaedah syaranan, kaedah penceritaan, kaedah soal jawab, kaedah latihan dan kaedah menghafal. Namun begitu, guru juga menggunakan kaedah hukuman bagi pelajar yang lalai dengan tugas yang diberikan.

Masalah yang sering dihadapi semasa pembelajaran Islam SDN 80/III di Desa Koto Dian ialah kelalaian pelajar terhadap tugas yang diberi sehingga dikenakan hukuman ke atas mereka. Pelajar juga susah untuk menghafal, bising dan meniru hasil peperiksaan rakan. Dari segi guru pula, timbul masalah yang mana guru sering salah menulis di papan tulis dan suara guru yang perlahan menyebabkan proses pembelajaran tidak berkesan. Seharusnya guru lebih berhati-hati dalam mengajar kerana pelajar akan mencontohi apa-apa yang akan diajarkan dan disampaikan oleh seorang guru semasa belajar.

Secara umumnya pencapaian pembelajaran Pendidikan Islam SDN 80/III di Desa Koto Dian bermatlamatkan agar pelajarnya boleh membaca, boleh menghafal dan memahami surah pendek dalam al-Quran, boleh memahami ajaran Islam agar dapat menambah ketakwaan kepada Allah s.w.t serta meningkatkan mutu ibadah dalam kehidupan sehari-hari.

### **6.2.2 Pendidikan yang dianjurkan oleh Masyarakat (Tidak Formal)**

#### i. Pengajian Remaja Masjid al-Mubarak Desa Koto Dian Pulau Tengah

Kebanyakan pelajar kurang berminat terhadap kegiatan remaja di Masjid Al-Mubarak. Sebahagian anggota perlu diberi motivasi kerana minat pelajar sangat kurang.

Kaedah yang digunakan semasa kegiatan remaja di Masjid al-Mubarak di Desa Koto Dian ialah kaedah syarahan, kaedah rihlah, kaedah soal jawab serta mencatit kesimpulan isi kajian yang telah disampaikan oleh tuan guru atau ustaz-ustaz.

Masalah yang dihadapi dalam kegiatan remaja di Masjid Al-Mubaraq ialah anggota masih beranggapan bahawa pengajian ini tidak bertahan lama sehingga sedikit sebanyak mengurangkan minat anggota serta anggota kurang berdisiplin ketika majlis diadakan. Anggota masih terpengaruh dengan lingkungan dan rakan-rakan yang tidak hadir ke majlis. Masalah yang dihadapi juga adalah tidak memiliki dana dan prasarana (alat pelaksanaan pengajian).

Pencapaian kegiatan remaja di Masjid al-Mubarak ialah jalinan silaturrahim sesama anggota pengajian, pembahagian ilmu dan pengalaman. Objektif utama

diadakan kegiatan ini ialah agar anggota lebih memahami nilai-nilai murni untuk membentuk peribadi yang bertanggungjawab, memahami tentang ajaran Islam sebenar serta menambah ketakwaan dan rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t.

ii. Pengajian Ibu-Ibu Surau Nurul hidayah Desa Koto Dian

Anggota pengajian Ibu-ibu Musalla Nurul Hidayah menunjukan minat yang tinggi kerana anggota pertubuhan ini hanya untuk masyarakat yang ingin beribadah dan mengikuti kegiatan yang ada untuk masyarakat yang beminat sahaja.

Kaedah yang digunakan adalah membaca yasin dan tahlil beramai-ramai, kaedah syarahan, kaedah soal jawab, dan kaedah demonstrasi belajar bacaan berzanji.

Masalah yang dihadapi semasa pembelajaran Islam adalah kekurangan dana untuk pelaksanaan dan cara menarik masyarakat atau kaum wanita yang belum menyertai pengajian ini terutama perempuan yang sudah berkahwin.

Dengan adanya kegiatan pengajian Ibu-ibu Musalla Nurul Hidayah diharapkan dapat melahirkan masyarakat berilmu agama yang kukuh, taat beribadah, beriman dan bertakwa, membentuk peribadi yang bertangggungjawab dan dapat mengajak masyarakat beribadah di rumah Allah s.w.t serta meningkatkan silaturrahim dan sikap toleransi sesama anggota dalam hidup bermasyarakat.

iii. Pengajian Tempat Pengajian Anak Nurul-Hak (TPA Nurul-Hak) Desa Koto Dian

Minat pelajar terhadap pengajian TPA Nurul-Hak kurang memuaskan. Ini dapat dilihat melalui hasil temu bual pengasas dan guru TPA Nurul-Hak. Oleh itu, pihak guru dan ibubapa perlu memberi sokongan motivasi kepada anak mereka agar tetap belajar bersungguh-sungguh.

Kaedah yang digunakan semasa pembelajaran di TPA Nurul-Hak di Desa Koto Dian untuk mempelajari kemahiran membaca al-Quran ialah kaedah anak membaca dan guru menyemak mana yang betul dan salah secara seorang demi seorang. Bagi belajar taranum, guru menggunakan kaedah memberi contoh bacaan dan pelajar mengikuti cara guru membacanya. Untuk belajar solat dan doa harian, guru menggunakan kaedah bacaan bersama-sama, kaedah demonstrasi bacaan secara gilir-gilir dan kaedah menghafal.

Masalah yang wujud dalam pengajian di TPA Nurul-Hak semasa pengajian petang ialah pelajar kurang berdisiplin dan kurang memberi perhatian, sukar untuk mengingati bacaan, suka membuat bising dan mengganggu rakan. Masalah yang ada dalam pengajian malam pula ialah pelajar kurang memahami pelajaran, susah untuk menghafal, belum memahami dan fasih tentang tajwid serta suara dan pernafasan yang kurang teratur.

Objektif pengajian petang adalah untuk menangani masalah buta al-Quran dan menarik minat anak terhadap belajar al-Quran. Manakala objektif pengajian malam adalah untuk memahami kaedah tajwid, belajar bertaranum dan mengatur pernafasan serta suara, memberi pemahaman bahawa baca al-Quran hendaklah dengan betul

walaupun satu ayat, serta berusaha mencari generasi baru dalam bidang ilmu al-Quran. Objektif dalam pengajian gabungan Jumaat petang adalah supaya anak boleh memahami dan menghafal bacaan solat, boleh mengerjakan ibadah solat dengan betul, dapat membiasakan anak dengan doa-doa harian, dan membentuk anak berjiwa Islam serta akhlak dan bertakwa kepada Allah s.w.t.

### **6.2.3 Perbezaan antara Pendidikan Formal dan Tidak Formal**

Terdapat perbezaan yang ketara di antara pendidikan formal dan pendidikan tidak formal di Desa Koto Dian Pulau dari segi susunan organisasi, pengasas, sistem pendidikan, cara persediaan pembelajaran dan objektif pencapaian. Hal ini menyebabkan masyarakat lebih cenderung memilih pendidikan yang bercorak formal tetapi tidak mengetepikan pendidikan tidak formal kerana pendidikan tidak formal lebih penting untuk pembelajaran Islam yang lebih terperinci. Perbezannya adalah:

#### **i. Pendidikan formal lebih tersusun dari segi pentadbiran**

Organisasi pentadbiran pendidikan formal lebih teratur dan jelas dan semua pengurusan mendapat perhatian dari kerajaan sedangkan pendidikan tidak formal lebih bergerak atas kesedaran dan kemahuan seseorang yang ingin membentuk pengajian itu. Semua pentadbiran dan pengurusan pendidikan tidak formal dijalankan oleh individu-individu tertentu yang mengharap keikhlasan untuk menjalankan aktiviti amal termasuklah pengasasnya.

**ii. Pendidikan formal menjamin pekerjaan.**

Pendidikan formal menjamin pekerjaan dengan sijil kelulusan belajar dari kerajaan walaupun matapelajaran pendidikan Islam yang diajar lebih sedikit dan tidak terperinci berbanding dengan pendidikan tidak formal.

**iii. Pencapaian dalam pendidikan formal mencakupi semua bidang keilmuan Islam.**

Pencapaian dalam pendidikan formal mencakupi semua bidang keilmuan Islam sesuai dengan matapelajaran yang diterapkan di sekolah-sekolah iaitu mencapai ilmu pengetahuan intelektual, ibadah, akhlak, keimanan dan bahasa Arab sedangkan pencapaian dalam pendidikan tidak formal terhad kepada matapelajaran tertentu seperti belajar solat dan kemahiran membaca al-Quran sahaja..

**iv. Pendidikan formal menerapkan disiplin dan kaedah yang sesuai.**

Pelajar pendidikan formal khususnya dalam pelaksanaan Pendidikan Islam lebih berminat dibandingkan pelajar tidak formal. Hal demikian ini kerana pelaksanaan pendidikan formal lebih menerapkan sistem dan kaedah pembelajaran yang sesuai dan disertai penerapan disiplin yang tinggi. Pendidikan formal mengenakan hukuman bagi pelajar yang tidak manghiraukan peraturan dan amaran yang telah ditetapkan sedangkan pendidikan tidak formal tidak mempunyai penerapan disiplin dan tidak mengenakan hukuman kepada pelajar sehingga pelajar belajar seolah-olah suka-suka.

v. **Ibubapa lebih memberikan perhatian kepada pendidikan formal anak-anak.**

Ibubapa lebih memberi perhatian dan bimbingan kepada pendidikan formal anak-anak daripada pembelajaran tidak formal. Ini jelas kelihatan dengan cara mereka menghantar anak-anak ke sekolah dan memberi semua kelengkapan pembelajaran tersebut. Pendidikan tidak formal seakan-akan tidak begitu penting untuk diberi bimbingan. Seharusnya perkara ini memerlukan perhatian daripada guru dan masyarakat terutama ibu bapa, di mana mereka tidak seharusnya menyerahkan hasil pembelajaran pendidikan tidak formal kepada anak dan guru semata-mata. Sekira tidak ada sokongan daripada ibubapa, minat pelajar akan terhakis dengan pergaulan yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat kerana mengajak kebaikan lebih mencabar pada zaman moden ini.

vi. **Pendidikan tidak formal tidak mempunyai dana dan kelengkapan pembelajaran.**

Guru yang mengajar pendidikan tidak formal tidak menggunakan alat bantu mengajar atau media pembelajaran sehingga tidak dapat menarik minat pelajar apatah lagi pembelajaran tidak formal masih mengekalkan cara pembelajaran lama tanpa ada bantuan cara moden.

Dalam pendidikan formal, semua kos pembiayaan sekolah ditanggung oleh pihak kerajaan kecuali bayaran tertentu seperti yuran pengajian. Gaji para guru dibayar oleh pihak kerajaan kecuali bagi guru bantu yang mana gaji mereka ditetapkan oleh pihak sekolah. Semua kos pembiayaan pendidikan tidak formal ditanggung sendiri oleh guru termasuk peralatan dan tempat belajar kecuali buku dan alat belajar seperti al-Quran yang dibeli sendiri oleh pelajar. Guru yang mengajar dalam pendidikan tidak formal tidak mendapat gaji daripada mana-mana pihak dan mereka mengajar atas

kerelaan sendiri. Guru yang mengajar dalam pendidikan tidak formal biasanya akan mendapat zakat fitrah sekali setahun.

### **6.3 CADANGAN**

Pihak-pihak kerajaan dan pemerintahan desa hendaklah prihatin terhadap nasib dan keadaan pendidikan yang dianjurkan oleh masyarakat (tidak formal) baik dari segi moral, media dan dana pelaksanaan pendidikan. Pihak kerajaan tidak seharusnya hanya menumpukan perhatian pada pendidikan yang berbentuk institusi sahaja (formal) kerana pendidikan tidak formal juga merupakan sebahagian tanggungjawab kerajaan dan pemerintah adat.

Guru yang mengajar hendaklah menggunakan media atau alat bantu mengajar yang sesuai ketika proses pembelajaran. Hal ini kerana dengan adanya media atau alat bantu mengajar akan memotivasi minat dan ingatan pelajar serta dapat membantu pemahaman mereka untuk mengingati lebih lama. Selain itu, di samping menggunakan kaedah, guru perlu memikirkan masalah yang ada dan mengambil tahu masalah yang ada pada pelajar. Guru hendaklah bekerjasama dengan ibubapa bagi menangani pelajar yang bermasalah serta tidak menggunakan kekerasan ketika penyelesaiannya. Teguran yang lembut itu lebih baik dari kekerasan.

Pelajar hendaklah belajar bersungguh-sungguh walaupun terhadap matapelajaran yang tidak diminati atau cara guru yang tidak disukai, kerana kunci keberhasilan dan kejayaan ada pada diri sendiri. Pelajar sendiri yang mengubah dan membentuk kehidupan yang cemerlang pada masa hadapan. Seandainya gagal pada masa sekarang bukan bererti gagal untuk masa hadapan. Pelajar perlu berusaha sehingga ketitik peluh

terakhir, gemgamlah harapan dan capailah impian. Guru hanya sebahagian menyampai ilmu kepada pelajar, tetapi pelajar masih boleh belajar sendiri dengan mengulang kaji dan membaca buku sendiri di rumah.

Punca masalah yang dihadapi pelajar bukan bererti hilang kesempatan untuk maju dan berjaya kerana jika diimbas sejarah orang yang berjaya dahulu hidup mereka terdiri daripada masyarakat yang memiliki ekonomi yang lemah. Hal ini kerana yang lemah tidak dijadikan kelemahan mereka malah dijadikan semangat untuk mengubahnya, jika orang lain boleh pasti ada jalan untuk melakukan kebolehan yang sama, berdoa dan berusaha dan jangan lupa untuk selalu bersabar.

Ibubapa dan masyarakat hendaklah memberikan perhatian kepada pelajar agar mereka bersungguh-sungguh, bukan sekadar kata-kata semangat sahaja tapi diiringi doa, memberi contoh yang baik serta menyediakan peralatan pembelajaran yang mencukupi. Pelajar tidak dapat berlajar tanpa alat yang membantu dan ibubapa hendaklah terus bekerjasama dengan guru terutama apabila mendapati pelajar bermasalah baik dari segi mental, emosi, IQ, dan pembelajarannya. Ibubapa tidak boleh menyerahkan nasib atau keadaan pembelajaran anak kepada guru semata-mata kerana pendidikan awal anak bermula daripada rumah dan disempurnakan di sekolah atau tempat pengajian lainnya. Walau bagaimanapun, pendidikan asas anak dipengaruhi cara ibubapa mendidik mereka sejak kecil iaitu anak akan melakukan hal yang sama apa yang dilakukan oleh orang tuanya seperti kebiasaan membaca buku mahupun kebiasaan lainnya, baik kebiasaan yang baik dan tidak terkecuali kebiasaan yang buruk.